

KONTROVERSI SEKITAR KARYA-KARYA NAWAL EL SAADAWI DI MESIR

Maryam Habibah Kamis ¹
Indriaty Ismail ²

ABSTRAK

Nawal el Saadawi (31 Oktober 1931) merupakan seorang tokoh wanita Mesir yang memperjuangkan dan menyuarakan hak-hak wanita Arab dan penderitaan mereka menerusi karya-karya sastera. Antara novel terkenal beliau ialah *Memoirs of a Child Called Suad*, *Memoirs of a Woman Doctor*, *Women and Sex*, *Women and Neurosis in Egypt* dan lain-lain. Artikel ini membincangkan isu-isu feminisme yang diperjuangkan oleh Nawal el Saadawi dalam karya beliau yang telah mencipta pelbagai kontroversi dan mewujudkan polemik di Mesir. Metodologi yang digunakan untuk menghasilkan penulisan ini ialah melalui kaedah kualitatif. Hasil kajian mendapati bahawa Nawal el Saadawi sebagai seorang novelis dan feminis yang berjaya mengangkat isu-isu feminisme dalam novel-novelnya dan menjadi medium utama bagi beliau untuk meluahkan kritikan dan komentar terhadap praktis budaya Arab sejak zaman mudanya hingga kini.

Kata Kunci: Nawal e Saadawi, feminis, kontroversi, penderitaan wanita

ABSTRACT

Nawal el Saadawi (31 Oktober 1931) is a prominent scholar in the Arab feminist discourse who voice out the Arab women's suffering through literary writings. Among her literary famous novels is *Memoirs of a Child Called Suad*, *Memoirs of a Woman Doctor*, *Women and Sex*, *Women and Neurosis in Egypt* and etc. This article discusses feminisme issues that have been propagated by Nawal el Saadawi in her literary writings that have createn a controversy and polemic in Egypt. Results show that Nawal el Saadawi as a novelist and feminist, successfully raise issues of feminisme in the novel and became the main medium for expressing his criticism and commentary on the practice of Arab culture since the days of his youth until now.

Keywords: Nawal el Saadawi, feminist, controversy, women's suffering

¹ Maryam Habibah binti Kamis, Pelajar Sarjana Pengajian Islam UKM, Maryam.habibah@gmail.com

² Indriaty binti Ismail, Ph.D, Pensyarah di Jabatan Usuluddin dan Falsafah, UKM, Indriaty@ukm.edu.my

Pengenalan

Nawal el Saadawi ialah penulis dan novelis terkenal pada abad ke 21 yang memperjuangkan pemikiran feminisme dalam karya-karya sasteranya antaranya ialah, novel yang bertajuk *Mudhakkirat Tabiba* (1960) yang diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dengan judul *Memoirs of a Woman Doctor, Al-Wajh al-Ari lil Mar'ah al-Arabiyyah* yang diterjemahkan kepada *The Hidden Face of Eve: Women in the Arab World* (1977), *Kanat hiya al-ad'af (She was The Weaker, Imra'a 'ind Nuqtah al-Sifr (Women at Point Zero), Mawt al-Rajul al-Wahid ala al- Ard (The Death of the Only Man on Earth)* dan lain-lain. Novel-novel yang dikarang oleh El Saadawi kebanyakannya mendapat pelbagai reaksi di Mesir. Oleh itu, dalam penulisan ini, penulis cuba menghuraikan isu-isu kontroversi yang melanda El Saadawi dalam perjuangannya mendukung feminisme.

Metodologi Kajian

Metodologi yang digunakan untuk menghasilkan kajian ini ialah kaedah kualitatif yang menggunakan pendekatan analisis kandungan (content analysis). Krippendorff (1980) dan Holsti (1969) mengatakan kaedah analisis kandungan sangat berperanan dalam memproses data-data fakta, juga bertujuan menyediakan pengetahuan, penemuan baru, mempersembahkan fakta-fakta dan cara untuk bertindak menjalankan kajian yang lebih tersusun. Oleh itu, analisis kandungan ini digunakan untuk mendapatkan data mengenai kontroversi karya-karya Nawal el Saadawi di Mesir.

Latar Belakang dan Pendidikan

Nama sebenarnya ialah Nawal al-Sayed Habash el-Saadawi (El Saadawi 1999: 31), dilahirkan pada 27 Oktober 1931 di sebuah desa kecil Kafr Tahla, Mesir (El Saadawi 1999: 20). Beliau merupakan anak kedua daripada sembilan orang adik beradik (El Saadawi 1999:25) yang terdiri daripada tiga orang lelaki dan lima orang perempuan (El Saadawi 1999: 3). El Saadawi mempunyai ijazah dalam bidang perubatan di Universiti

Kaherah pada tahun 1954 dengan pengkhususan kepakaran dalam bidang psikiatri (El Saadawi 2002: 67) dan beliau kemudian menyambung pelajaran ke peringkat sarjana di Universiti Columbia, New York dalam bidang Kesihatan Awam dan berjaya menyelesaikan pengajiannya pada tahun 1966 (El Saadawi 2007: iii).

Pekerjaan dan Pengalaman Profesional

Apabila tamat pelajaran di peringkat ijazah pada tahun 1954, El Saadawi bekerja sebagai doktor perubatan di Hospital Kasr Al-Aini pada tahun 1955 (El Saadawi 1999: 296) dan kemudian pada tahun 1958, beliau bekerja di hospital di daerah Abbaseya (El Saadawi 2002: 145). Pada tahun 1963, beliau menjawat jawatan sebagai Pengarah Pendidikan Kesihatan di Jabatan Kesihatan Mesir namun pada tahun 1972 beliau dipecat kerana karyanya berjudul *al-Mar'ah wa al-Jins* mengecam kekerasan dasar pemerintah terhadap wanita.

Pada tahun 1973 sehingga tahun 1976, El Saadawi bekerja di Institut Tinggi Sains dan Kesusasteraan. Pada ketika itu, beliau mula menulis karya fiksyen dan bukan fiksyen antaranya ialah *Woman at Point Zero*, *God Dies by the Nile* dan *The Hidden face of Eve* (El Saadawi 2007: iii). Pada tahun 1973 juga, beliau bekerja sebagai pegawai penyelidik wanita dan neurosis di Fakulti Perubatan Universiti Ain Shams. Beliau meninggalkan Mesir dan menjadi Profesor Pelawat di Jabatan Bahasa Asia dan Afrika, Universiti Duke dari tahun 1993 hingga tahun 1996. Beliau juga menjadi Profesor Pelawat di Universiti Washington di Seattle (1995), Universiti Illinois di Chicago (1998) (<http://nawalsaadawi.net> [16 Disember 2011]), Universiti Florida Atlantik (1999) di mana beliau mengajar subjek *Dissidence and Creativity* (Holland et al 2000), Universiti Montclair State (2001-2002), Universiti Southern Maine (2003), Universiti Barcelona di Sepanyol (2004), Kolej Smiths (2004), Universiti Claremont di California (2005), dan Kolej Spelman (Cosby Chair) Atlanta, Amerika Syarikat (2007-2009) (<http://nawalsaadawi.net> [16 Disember 2011]).

Pengalaman Profesional beliau sebagai seorang aktivis adalah sebagai sukarelawan di kem Palestin di Jordan. Pengalaman itu membawa kesedaran dan pengalaman yang cukup bermakna bagi beliau dan kemudian diterjemahkan dalam

karyanya yang berkisar tentang pejuang-pejuang Palestin. Beliau juga merupakan editor bagi majalah kesihatan pada tahun 1968 sehingga tahun 1973. Beliau adalah Setiausaha Agung Persatuan Perubatan, Kaherah, Mesir pada tahun 1968 hingga tahun 1972. Beliau melibatkan diri sebagai Pengasas bagi Persatuan Penulis-Penulis Wanita Mesir pada tahun 1971 (<http://nawalsaadawi.net> [16 Disember 2011]) dan merupakan Penulis Khas bagi Majlis Tertinggi Seni Lukis Dan Sains Sosial, Kaherah pada tahun 1974 sehingga tahun 1978. Beliau merupakan Pengarah Latihan Afrika dan Pusat Penyelidikan untuk Wanita di Ethiopia (1978-1980) dan Penasihat bagi Suruhanjaya Syarikat Ekonomi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk Afrika Barat di Lubnan. Beliau juga adalah pengasas bagi majalah Nun dan pemimpin sidang pengarang Nun yang secara khusus membahaskan isu wanita.

Pada tahun 1982, beliau merupakan Pengasas merangkap Presiden Jam'iyat Tadâmun al-Mar'a al-'Arabiyya untuk memperjuangkan kaum wanita Mesir khususnya dan kaum wanita Arab umumnya. Pada tahun 1992, persatuan ini dibubarkan oleh pemerintah Mesir dan penerbitan Majalah Nun disekat. Di samping itu, beliau adalah Penolong Pengasas Persatuan Hak-Hak Asasi Arab pada tahun 1983 sehingga tahun 1987. Beliau adalah Presiden dan Perancang Persidangan Antarabangsa tentang cabaran-cabaran yang dihadapi oleh wanita-wanita Arab di Kaherah pada bulan September 1986, dan juga terlibat dalam persidangan-persidangan Antarabangsa Jam'iyat Tadâmun al-Mar'a al-'Arabiyya yang lain, iaitu pada tahun 1988, 1990, 1992, 1997, 2001 sehingga tahun 2005 di Kaherah, Mesir. Beliau juga adalah Perancang Persidangan Antarabangsa Tentang *Creative and Dissidence* di Kolej Spelman pada tahun 2009 di Atlanta, Amerika Syarikat. Beliau telah memegang jawatan di beberapa kolej berprestij dan universiti termasuk Universiti Kaherah, Universiti Harvard, Universiti Yale, Universiti Columbia, Universiti Sorbonne, Universiti Georgetown, Universiti Florida State, dan Universiti California, Berkeley (<http://nawalsaadawi.net> [16 Disember 2011])

Kontroversi sekitar karya-karya Nawal el Saadawi di Mesir

Bakat El Saadawi sebagai seorang penulis dan pejuang pena mula ditonjolkan sewaktu beliau masih di bangku sekolah lagi. El Saadawi telah melibatkan dirinya dalam bidang

penulisan secara serius sejak berumur 13 tahun dengan hasil kreatif sulungnya yang bertajuk *Memoirs of a Child Called Suad* (El Saadawi 1999: 296). Kejayaan tersebut telah mendorong beliau untuk terus menulis dan sehingga kini beliau telah menghasilkan beberapa karya meliputi memoir, buku fiksi dan bukan fiksi, novel dan cerpen. Selepas memperoleh ijazah dalam bidang perubatan, pada tahun 1955 beliau bekerja sebagai doktor di hospital Kasr al-Aini dan hospital yang terletak di Abbaseya. Semasa bekerja sebagai doktor, beliau memerhatikan kesengsaraan dan ketidakadilan yang dihadapi oleh wanita luar bandar, dan pengalaman ini telah memberi input dan pengaruh yang hebat kepada penulisan beliau (Abu Sarhan 2011: 121) dan mendorongnya untuk menulis novel yang pertama iaitu *Memoirs of a Woman Doctor* pada awal kerjayanya. Walau bagaimanapun, *Memoirs of a Woman Doctor* telah banyak ditapis oleh pihak penerbit sewaktu dibawah pemerintahan Nasser.

Bintang beliau begitu cerah sehingga dilantik sebagai Pengarah di Jabatan Kesihatan Awam Mesir pada tahun 1958 ketika kepimpinan wanita begitu jarang dan terlalu sukar untuk dicapai (Abu Sarhan 2011: 121). Dalam tempoh tersebut, beliau telah memerhatikan bagaimana program-program kesihatan dijalankan di sebuah negara membangun, menyaksikan kerenah birokrasi dan sistem yang menyebabkan penindasan terhadap wanita. Hal ini meningkatkan penglibatan beliau dalam kajian feminis, masalah wanita, dan penglibatan beliau dalam memperjuangkan hak wanita di Mesir dan dunia Arab (Valassopolous 2004: 53).

Beliau merupakan feminis Arab Muslim pertama yang secara terbuka menyanggahi isu-isu seksual umpama penderaan seksual, penderaan, sumbang mahram dan isu sunat bagi anak-anak perempuan. Pengalaman-pengalaman beliau sebagai Pengarah Kesihatan Awam Mesir telah menyebabkan terhasilnya buku karya bukan fiksi pertama beliau *Women and Sex* yang telah membangkitkan kembali isu-isu tabu dan menimbulkan isu-isu kontroversi (Abu Sarhan 2011: 121) berkaitan dengan politik dan agama (Straits Times 2003: 31 Mac). Buku ini mendapat pelbagai reaksi daripada ahli agama dan ahli politik.

Berikutan itu pada tahun 1972, Kementerian Kesihatan telah dipaksa oleh pihak atasan untuk memecat beliau sebagai Pengarah Jabatan Pendidikan Kesihatan Awam

Mesir dan akhirnya mengakibatkan beliau dilucutkan jawatan (bulan Ogos) yang disandangnya itu. Peredaran buku tersebut juga dicekal dan disekat di Mesir. Beliau terus tidak mengaku kalah dalam hal ini, tetapi sebaliknya telah melancar sebuah majalah yang dikenali sebagai Majalah Kesihatan yang mengutarakan tajuk-tajuk yang mempunyai kaitan langsung tentang isu-isu wanita terutamanya tentang tekanan-tekanan yang mereka lalui di dunia Arab. Penulisan beliau tentang kebebasan wanita dan status wanita di Mesir dan di dunia Arab Islam telah mengakibatkan penerbitan majalah yang dikeluarkannya itu dihentikan (Abu Sarhan, 2011: 121).

Selepas beliau dipecat daripada Jabatan Pendidikan Kesihatan Awam dan Ketua Editor Majalah Kesihatan, bermula dari tahun 1973 sehingga 1976, beliau bekerja sebagai penyelidik di Universiti Ain Shams, Fakulti Perubatan (Straits Times 2003: 31 Mac). Beliau membuat penelitian tentang penyakit saraf (neurosis) di kalangan para wanita Mesir. Melalui kajian ini, El Saadawi mengambil kaedah kajian dengan memilih sampel secara rawak terhadap beberapa orang wanita yang menderita penyakit saraf di beberapa buah hospital dan pusat pemulihan. Hasilnya telah diterbitkan pada tahun 1976 dengan judul *Women and Neurosis in Egypt* (El Saadawi, 1989: xv-xviii).

Nama El Saadawi terkenal di seluruh dunia apabila karyanya yang dianggap klasik, *al-Wajh al-'Ari li al Mar'ah al-'Arabbayah* diterjemah ke bahasa Inggeris dan diterbitkan pada 1980 dengan judul *The Hidden Face of Eve: Women in the Arab World*. Sejak itu novelnya diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa dan memperoleh pelbagai penghargaan antarabangsa. El Saadawi juga pernah dijemput untuk berucap di persidangan antarabangsa feminis di Montreal. Namun kata-kata beliau banyak ditapis apabila disiarkan di media contohnya apabila beliau mengaitkan masalah wanita di peringkat nasional dan global, atau membandingkan Islam dengan agama-agama lain. Malah dalam persidangan antarabangsa feminis tersebut, beliau menerima bantahan dan bangkangan yang kuat dari sesetengah wanita yang merupakan golongan feminis Yahudi atau Kristian. Selepas itu, beliau tidak lagi dijemput ke Montreal untuk sebarang persidangan (El Saadawi 2010:118).

Pada bulan September 1981, El Saadawi ditangkap dan dipenjarakan (El Saadawi 1989: xv-xviii) di Penjara Wanita yang terletak berhampiran al-Kanatir al-

Khairyeya berhampiran dengan di Sungai Nil (El Saadawi 2010:90) bersama dengan 1035 orang lainnya semasa pemerintahan regim Anwar Sadat kerana dituduh melakukan jenayah terhadap negara (El Saadawi 1989: xv-xviii). Namun sel penjara tidak mampu sedikit pun menghalang dan menyekat beliau dari perjuangannya (Abu Sarhan 2011: 121). Beliau dipenjarakan ekoran daripada sebuah artikel yang ditulisnya di dalam akhbar *Al-Shaab* yang diterbitkan oleh Parti Pekerja Sosialis, sebuah parti pembangkang yang kemudiannya bersekutu dengan Ikhwan Muslimin. Tajuk artikel beliau adalah *Who Creates Political Parties in Egypt? The People or the Ruler?* Pada 6 September 1981, polis telah menahan beliau dan dimasukkan ke dalam Penjara Wanita di Kanatir. Tuduhan yang dilemparkan terhadap El Saadawi adalah bahawa beliau telah berpakat dengan negara Bulgaria untuk menumbangkan rejim Sadat (El Saadawi 2002: 246).

Ketika berada di penjara, terjadi suatu peristiwa yang membuatkan beliau merasakan bahawa karya-karya beliau adalah lebih berharga daripada kehidupannya, anak-anaknya, suaminya, malah lebih berharga daripada kebebasannya sendiri. Peristiwa tersebut bermula apabila seorang rakan banduan meminta sehelai kertas kepada pengawal penjara dan sebatang pen untuk menulis sepucuk surat kepada ibunya, namun tindak balas pengawal penjara itu amat tidak diduga apabila dia mengatakan bahawa ianya akan menjadi lebih mudah untuk beliau memberi seorang banduan sepucuk pistol daripada sebatang pen dan sehelai kertas. Kenyataan tersebut membuatkan El Saadawi tersentak dan beliau tidak pernah membayangkan bahawa sebatang pen dan sehelai kertas boleh menjadi lebih berbahaya daripada sepucuk pistol di dalam dunia realiti (Melissa Matthes 1999: 77- 79).

Setelah hampir tiga bulan dihabiskan di Penjara Wanita, pada 25 November 1981, beliau dibebaskan bersama-sama mesej kepada dunia luar daripada tahanan-tahanan Mesir di Penjara Wanita, Kanatir. Beliau dibebaskan kerana pada pemerintahan Hosni Mubarak telah bermula satu proses beransur-ansur melepaskan tahanan politik. Selepas keluar dari penjara, pada tahun 1982, El Saadawi menubuhkan Jam'iyat Tadâmun al-Mar'a al-'Arabiyya (Arab Women's Solidarity Association) iaitu sebuah organisasi antarabangsa yang bertujuan memartabatkan kaum wanita Arab

(Abu Sarhan 2011: 122). Slogan bagi persatuan ini ialah *Removing The Veil from the Mind* (Miriam Cooke 2000: 165). Persatuan ini diasaskan untuk menggalakkan penyertaan aktif wanita Arab dalam kehidupan sosial, ekonomi, budaya, dan politik.

Pada tahun 1989, El Saadawi mengasaskan majalah pan-Arab iaitu *Nun* yang merupakan majalah rasmi persatuan ini tetapi pengeluaran majalah tersebut tidak lama kerana kekurangan kewangan dan tekanan daripada pihak politik yang berautoriti (Belhacmi 1999:132). Persatuan ini juga mendapat bantahan yang kuat daripada kerajaan Mesir dan daripada kumpulan fanatik agama dan dari pelbagai parti politik tetapi mereka memilih terus untuk bertahan (El Saadawi 2010: 87). Lebih Ironi lagi, pada 15 Jun 1991, cawangan *Jam'iyyat Tadâmun al-Mar'a al-'Arabiyya* di Mesir ditutup berikutan arahan yang dikeluarkan oleh mahkamah pentadbiran Kaherah pada bulan Mei 1992 (Peter Hitchcock 1993: 170).

Jam'iyyat Tadâmun al-Mar'a al-'Arabiyya diharamkan berikutan kritikan yang dilancarkan oleh El Saadawi terhadap penglibatan Amerika Syarikat dalam perang Teluk dan Perjanjian Camp David (Amal amireh 2000 :228). Hal ini kerana undang-undang berpersatuan di Mesir, menghalang ahli-ahlinya membincangkan aspek berkaitan politik dan agama (El Saadawi t.tarikh: 49). Ahli *Jam'iyyat Tadâmun al-Mar'a al-'Arabiyya* menmbawa kes tersebut ke mahkamah tetapi tiada keputusan mahkamah dicapai (awsa.net 2011). Usaha ini sia-sia bahkan penerbitan majalah organisasi tersebut *Nun*, terus disekat.

El Saadawi mencatat detik-detik terakhir organisasinya itu dalam *A New Battle in Arab Women Liberation*. Dalam karya ini El Saadawi menunjukkan tentangan dan sekatan yang diterima oleh organisasinya. Berikutnya kerajaan telah membuat percubaan merampas semua harta persatuan dan memindahkan harta tersebut kepada persatuan yang lain, iaitu Persatuan Wanita Islam (Peter Hitchcock 1993: 172). Ibu pejabat *Jam'iyyat Tadâmun al-Mar'a al-'Arabiyya* kemudian berpindah ke Algeria dan setelah keadaan terkawal, persatuan ini telah dipindahkan semula ke Kaherah pada tahun 1996 (awsa.net, 2011). Mereka juga menubuhkan Persatuan lain yang diberi nama *Itihad Nissa Misr* (Egyptian Women's Association) (El Saadawi t.th :49).

Pada Januari 1993, El Saadawi terpaksa meninggalkan Mesir kerana termasuk di dalam senarai bunuh oleh kumpulan fundamentalis (El Saadawi 2002: 23). Ugutan bunuh adalah berikutan karyanya *Fall of the Imam* diterbitkan (Fedwa Malti Doughlas 1995: 7) pada tahun 1987 (El Saadawi 2010 137). Kemudian beliau kerap menerima panggilan telefon pada siang dan malam hari daripada seorang lelaki yang menghina beliau dalam bahasa arab klasik, dialek tipikal bahasa Kuwait bahkan bahasa Algeria. Mereka mengatakan bahawa beliau adalah pembawa bida'ah, musuh Islam dan pengikut syaitan dan apa yang layak untuk beliau hanya kematian (El Saadawi 2002: 23).

Secara kebetulan pada suatu hari, seorang pelajar di Universiti Duke, iaitu Elizabeth; juga seorang yang meminati dan membaca beberapa novel El Saadawi dalam bahasa Inggeris telah datang ke Mesir untuk membuat beberapa penyelidikan dan memutuskan untuk berjumpa dengan El Saadawi di kediamannya sebelum pulang ke Amerika Syarikat (El Saadawi 2002: 25). Ketika pertemuannya dengan El Saadawi, dia telah mencadangkan supaya beliau meninggalkan Mesir buat sementara waktu dan mencadangkan untuk menghubungi Miriam Cooke,³ salah seorang profesor kesusasteraan Arab di Universiti Duke yang mengajar beberapa buah novel El Saadawi dalam silibusnya (El Saadawi 2002: 26).

Pada 8 Januari, 1993, El Saadawi bersama suaminya Sherif Hetata meninggalkan Mesir dan memulakan hidup mereka di Durham (El Saadawi 1999: 13-14). Beliau telah menghabiskan lima tahun di luar Mesir, iaitu selama empat tahun beliau tinggal di Durham, bekerja sebagai seorang profesor pelawat di Universiti Duke (El Saadawi 2002: 3). Sewaktu El Saadawi menjadi profesor pelawat di Universiti Duke, beliau telah menulis novel tentang kisah hidupnya dengan judul *A Daughter of Isis*. Novel ini adalah berkenaan dengan peristiwa yang berlaku dalam kehidupan beliau sewaktu kecil, remaja, dewasa (El Saadawi 1999 : v). Pada tahun 1997, beliau telah kembali ke Mesir semula menyambung penulisan karyanya dan perjuangannya (El Saadawi 2007 : iv).

³ Miriam Cooke adalah seorang professor di Jabatan *Asian and African Languages and Literature*, Universiti Duke. Bidang kepakaran beliau adalah termasuk gender dan feminisme.

Beliau telah dituduh murtad pada tahun 2001 (El Saadawi 2010: 151) dan kes telah difailkan terhadap beliau dan sekiranya didapati bersalah, beliau akan dipaksa bercerai dengan suaminya, Sherif Hetata. Jenayah yang dilakukannya ialah membuat kenyataan-kenyataan yang boleh disalah tafsir sebagai penolakan terhadap Islam (Gauch 2001). Dilema el-Saadawi bermula apabila salah sebuah akhbar mingguan bebas *al-Midan* telah menerbitkan sebahagian daripada pandangan-pandangan kontroversi beliau (Darwish Adel: 2001). Dalam artikel berkenaan beliau mengatakan bahawa undang-undang pusaka berasaskan Islam yang memperuntukkan wanita hanya memperoleh separuh bahagian sahaja yang diperolehi oleh lelaki hendaklah dihapuskan, al-Qur'an sendiri tidak menghendaki supaya wanita memakai hijab, dan menunaikan haji di Mekah yang terletak di Arab Saudi pada hakikatnya adalah suatu amalan ritual Arab Jahiliah.

Berikutan terbitnya artikel tersebut, Mufti Mesir terus menyelar kenyataan yang dibuatnya sebagai anti Islam (Gauch 2001). Pertuduhan berkenaan telah di difailkan oleh peguam sivil iaitu Nabih al-Wahsh mengikut undang-undang Islam iaitu *Hisba* dimana undang-undang ini memperuntukkan seseorang boleh disaman sekiranya didapati menghina kesucian Islam (Darwish Adel 2001). Pertuduhan terhadap El Saadawi ini telah menghangatkan keadaan dan menimbulkan kemarahan di kalangan para intelektual, penulis dan kumpulan pejuang hak asasi manusia dan wanita seluruh dunia, yang memperlihatkan sebahagian besar daripada mereka mula memberikan sokongan dengan kempen-kempen dan surat-surat yang ditulis mendesak pihak kerajaan Mesir menggugurkan kes ini. Ramai mempersoalkan tahap kebebasan bersuara di Mesir (Gauch 2001). El Saadawi memenangi kes tersebut berikutan sokongan penuh yang diterimanya daripada Persatuan Hak Asasi Manusia di Mesir dan di persada Antarabangsa (El Saadawi 2010: viii).

Pada tahun 2003, Ulama Mesir melarang peredaran novel karya El Saadawi iaitu *Fall of the Imam*. Novel ini dinilai menghina Islam dan pelarangan ini bertujuan menjaga akidah dan ruh agama dari sebarang penghinaan. Novel ini menceritakan tokoh utamanya yang disebut Imam (Pemimpin). El Saadawi dikatakan mencela tokoh yang disebut sebagai Imam (Pemimpin) sedangkan perkataan al-Imam adalah istilah

dalam Islam, dan beliau didakwa menghasut umat Islam supaya mencurigai tokoh yang disebut Imam (Pemimpin) itu (http://nu.or.id/page/id/dinamic_detil/1/1584/Warta/Buku_Nawal_el_Saadawi_Dicekal.html [20 Januari 2012]). Penolong pengarah Majma' al-Buhts al-Islmiah, Syekh Ibrahim Atha al-Fayoumi menilai, penyitaan novel karya El Saadawi dilakukan kerana pemikiran-pemikirannya telah menyerang ajaran Islam. Selain itu, menurutnya, El Saadawi juga mengutip beberapa ayat al-Quran dengan tujuan untuk mencela ajaran-ajaran Islam, baik secara akidah ataupun syariah.

Pada tahun 2008 sekali lagi El Saadawi disaman kerana karyanya yang bertajuk *God Resign in the Summit Meeting* dikatakan menghina Islam. Karyanya ini telah diterbitkan pada bulan Disember 2006 oleh Penerbit Madbouli di Kaherah dan dicetak semula empat puluh lima buku El Saadawi yang asli untuk dijual di Pesta Buku Antarabangsa Kaherah 2007 tetapi lima buah buku telah diharamkan di pameran itu termasuk *God Resign in the Summit Meeting* (Horst, 2008 :56-57). Karya ini didakwa menimbulkan kekecohan dan kontroversi dan ini menyebabkan pihak berkuasa Mesir mengugut untuk melucutkan kewarganegaraan beliau. Pihak polis telah memberi amaran kepada pihak penerbit dan mengarahkan supaya memusnahkan semua salinan karya El Saadawi, dan penerbit Madbouli telah memusnahkan karya beliau yang baru sahaja dicetak, semata-mata untuk selamat dari penjara dan pendakwaan (Horst, Adele S. Newson 2008 :56-57.)

Sungguh pun karya beliau mendapat tentangan daripada pihak Mesir, *God Resign in the Summit Meeting* dan *Isis* telah diadaptasi dalam bentuk pementasan teater di Perancis dan persembahan di Brussels pada bulan November 2007. Seorang profesor di Universiti Duke juga meringkaskan *God Resigns at the Summit Meeting* dalam Bahasa Inggeris, dan pelajar Duke (dari Jabatan Agama) membuat pementasan drama *God Resigns at the Summit Meeting* di universiti pada tahun 1996 dan suami beliau, Sherif Hetata, baru sahaja selesai menterjemahkan *God Resign in the Summit Meeting* dalam Bahasa Inggeris (Horst, Adele S. Newson 2008 :56-57). *God Resign in the Summit Meeting* memperkatakan seksualiti wanita, status undang-undang mereka

dalam masyarakat Arab dan menyifatkan semua agama bersifat menindas kaum wanita (Horst, Adele S. Newson 2008 :55).

Kemudian pada 27 Februari, Majlis Tertinggi Hal Ehwal Keagamaan, Universiti al-Azhar memfailkan kes terhadap beliau dengan tuduhan murtad (EL Saadawi 2010:145) dan menghina Islam (Sara Whyatt 2008: 120-121) ekoran daripada idea-idea yang terdapat dalam novel *God Resign in the Summit Meeting*. Mereka menuntut hukuman yang berat dikenakan ke atas beliau. Namun bagi El Saadawi pula, Majlis Tertinggi Hal Ehwal Keagamaan, Universiti Al Azhar tidak mempunyai autoriti dalam mengkritik karya tersebut (El Saadawi 2010: 322). Berikutan hal tersebut, teman El Saadawi menasihati beliau supaya meninggalkan Mesir buat sementara waktu (El Saadawi 2010: 322) dan beliau tanpa ditemani suaminya terpaksa menetap di Amerika Syarikat (Pat Lancaster 2009) dan menjadi Professor pelawat di sana sementara menunggu keputusan kes yang difailkan keatasnya (El Saadawi 2010: 328-330).

Sebuah pertuduhan lagi difailkan ke atas beliau oleh Menteri Kebudayaan dan Menteri Dalam Negeri Mesir. Menteri Kebudayaan melarang pengeluaran semua buku beliau termasuk *God Resign in the Summit Meeting* dan Menteri Dalam Negeri mengugut untuk melupuskan semua buku beliau dan menarik kembali kewarganegaraan beliau (Horst 2008:58). Beliau mendapat sokongan daripada kebanyakan institusi, ahli akademik dan penulis di serata dunia yang menghantar surat bantahan dan petisyen kepada kerajaan Mesir atas tindakan mencekal buku Nawal el Saadawi (www.nawalsaadawi.net/news/07/petition07.html [20 Februari 2012]). Akhirnya pada 13 Mei 2008 (<http://nawalsaadawi.net> [16 Disember 2011]) beliau memenangi kesnya dan kembali ke Kaherah. Pada tahun 2011, El Saadawi bersama-sama rakyat terlibat dalam penunjuk perasaan di Tahrir Square.

Kisah-kisah yang berlaku dalam kehidupannya ini memacu dan menjadi titik tolak kepada El Saadawi dalam mengkaji tentang persoalan ketidakadilan gender dan sekaligus menjadi pejuang hak asasi wanita. El Saadawi menjadikan pelbagai tekanan yang dihadapi oleh wanita di negaranya dan di dunia Arab pada umumnya sebagai satu masalah. Berbagai-bagai tekanan timbul bermula dengan tekanan sosiologi, ekonomi

hingga psikologi. Kebanyakan pemerhati menganggap El Saadawi berjaya mengislahkan masalah yang sukar seperti yang berkaitan dengan seks, pengabaian terhadap wanita, hubungan antara lelaki dan wanita dalam masyarakat Arab dan sebagainya. Hal ini jelas berkaitan dengan kepakaran dan profesionnya sebagai doktor. Akibatnya, beliau dituduh oleh musuhnya sebagai sengaja menulis untuk pembaca Barat. Lagipun, banyak watak utama dalam karyanya adalah pembunuh seperti watak Firdaus dalam *Woman at Point Zero*, watak Zakeya dalam *God Dies by the Nile*, watak Bint Allah dalam *The Fall of the Imam*. Beliau juga dituduh bersifat agresif dan ganas (El Saadawi 2010: 123).

Beliau juga menterjemahkan watak-watak dalam kehidupan sebenar beliau ke dalam beberapa buah novel karyanya, iaitu watak Shalabeya adalah watak utama dalam novel *The Circling Song*. Yehia bapa saudara beliau menjadi watak orang tua dalam cerita pendeknya *She is not Virgin'* dan Rokaya makcik beliau menjadi watak Zakeya dalam novel, *God Dies by the Nile* (El Saadawi, 1999:243), watak Fatimah sebagai Guru Besar dan Ni'mah sebagai seorang wanita yang penuh dengan tekanan yang sering terdapat dalam kebanyakan novel beliau (El Saadawi: 2010:99). Beliau telah menggunakan pengalaman beliau selama hidup dalam buangan antara tahun 1992 hingga tahun 1996 bagi menjelaskan pendirian beliau dalam banyak isu seperti identiti budaya dan fundamentalism. Berikutnya, El Saadawi berkeras mengatakan penguasaan lelaki terhadap wanita adalah punca kepada penindasan wanita dalam kebudayaan Arab Islam kerana fahaman ini telah membawa penguasaan ke atas fizikal wanita dan ia membuka ruang kepada eksploitasi dan penindasan yang bersifat dominasi gender. Ini adalah argumen beliau sebagai seorang peneraju feminis yang begitu dikenali kerana semangat juangnya sentiasa berkobar-kobar menghadapi semua cabaran (Abu Sarhan, 2011:122).

Satu tema besar yang tidak pernah diabaikan oleh El Saadawi ialah diskriminasi terhadap wanita dan pendapat umum serata dunia lebih memilih lelaki sebagai jantina yang lebih utama dan peranan lelaki lebih menyerlah apabila dikaitkan dengan gender iaitu suatu usaha yang diperjuangkannya supaya wanita dapat di layan secara adil, beliau turut memperjuangkan keadilan sosial, kebebasan politik dan kebebasan untuk

menyuarakan pendapat. Beliau secara berterusan mendukung feminisme dan perjuangan terhadap hak wanita masih diteruskan malah semakin aktif. Beliau telah menulis lebih daripada 40 buah buku dan memperkatakan hak asasi wanita di dalam masyarakat Arab dan perkara-perkara yang ada kaitan langsung dengan Islam. Meskipun El Saadawi menonjolkan realiti-realiti buruk tentang wanita Arab Muslim kepada tatapan dunia, dia telah berjaya menarik perhatian dunia tentang keberanian beliau memperkatakan tentang isu-isu tabu di Afrika pada umumnya dan secara khusus di negaranya sendiri, Mesir (Abu Sarhan, 2011:123). El Saadawi merupakan wanita pertama secara terbuka menyentuh mengenai isu-isu penyunatan anak perempuan di Mesir dalam penulisannya yang diterjemahkan dalam bukunya *The Hidden Face of Eve*.

KESIMPULAN

El Saadawi telah melalui beberapa fasa dalam kehidupannya semenjak kecil bermula pada era 30-an sehingga beliau berjaya menjejakkan kaki ke Universiti Kaherah membuatkan beliau begitu kuat mendokong perjuangan feminisme. Setelah penglibatan beliau dalam pekerjaan bermula dari profesion beliau sebagai seorang doktor perubatan dan kemudian menjadi pengarah di Jabatan Kesihatan Awam Mesir sehinggalah beliau dipecat dan dipenjarakan kerana penulisan beliau serta diugut untuk dibunuh oleh kumpulan fundamentalis, tidak pernah mematahkan semangat beliau untuk meluahkan idea-idea feminisme melalui karya-karyanya. Sehingga kini beliau masih aktif memperjuangkan pemikiran feminisme di peringkat global.

RUJUKAN

- Abu Sarhan, Taghreed Mahmoud. 2011. Voicing The Voiceless: Feminism And Contemporary Arab Muslim Women's Autobiographies. Disertasi Ph.D. College of Bowling Green State University.
- Amal Amireh, 2000. Framing Nawal El Saadawi: Arab Feminism in a Transnational World. The University of Chicago. 26: 215-249.
- Anon. 2011. (atas talian) www.awsa.net (16 Disember 2011).
- Anon. 2012. (atas talian). (http://nu.or.id/page/id/dinamic_detil/1/1584/Warta/Buku_Nawal_el_Saadawi_Dicekal.html) [20 Januari 2012]
- Darwish, Adel. 2001. A Rebel Without A Pause. Middle East. Issue 314
- El Saadawi. 2011. (atas talian) <http://nawalsaadawi.net> (16 Disember 2011)
- El Saadawi, Nawal. 1989. Perempuan di Titik Nol. Terj. Amir Sutaarga. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- El Saadawi, Nawal. 1999. A Daughter of Isis. Terj. Sherif Hetata. Zed Book Ltd. London.
- El Saadawi, Nawal. 2002. Walking through Fire. Terj Sherif Hetata. London: Zed Book.

- El Saadawi, Nawal. 2007. *The Hidden Face of Eve*. Terj. Sherif Hetata. Zed Book Ltd. London.
- El Saadawi, Nawal. 2010. *The Essential Nawal El Saadawi*. Horst, Edele Newson (pnyt.). London: Zed Books.
- El Saadawi, Nawal. T.th. *Al-Wajh al-Ari lil Mar'ah al-Arabiyyah* Iskandariyyah .: t.pt.
- Fedwa, Malti-Douglas. 1995. *Men, Women and God(s): Nawal El Sadawi and Arab Feminist Poetics*. Berkeley. University Of California Press.
- Gauch, Sarah. 2001. Egyptian feminist faces stiff penalty for statements deemed anti-Islamic. *The Christian Science Monitor*. 93.
- Horst, Adele S. Newson. 2008. *Conversations with Nawal El Saadawi*, *World Literature Today*, Jan-Feb 2008.
- Melissa Matthes. 1999. *Shahrazad's Sisters: Storytelling and Politics in the Memoirs of Mernissi, El Saadawi and Ashrawi*. *Journal of Comparative Poetics*. 19:68-96.
- Mirian Cooke. 2000. *Women, Religion, and the Postcolonial Arab World* oleh, *Cultural Critique*. *Journals university of Minnesota Press* .45 :150-184
- Peter Hitchcock, El Saadawi, Nawal & Sherif Hetata. 1993. *Living the Struggle*. *Journal Indiana University Press*. 61:170-179.
- Sara Whyatt. 2008. *Silenced Voices: Nawal El Saadawi*. Issue 65.
- Sofianni Subki. 2003. *A champion of Arab women's problems*. *Straits Times*, 2003: 31 Mac.
- Valassopolous, Anastasia. 2004. *Words written by a pen sharp as a scalpel: Gender and Medical Practice in the Early Fiction of Nawal El Saadawi and Fatmata Conteth*. *Research In African Literatures*. 35: 88-107.